

# Syarat capai taraf negara industri

GURUN, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia boleh mencapai taraf negara industri jika peniaga sanggup melaburkan semula sebahagian daripada keuntungan untuk membesarkan perusahaan mereka.

Beliau berkata, selain itu, ahli perniagaan harus mempunyai kecekapan mengurus dan menggunakan peralatan untuk mengeluarkan barangan yang boleh dijual dengan mendapat keuntungan.

Sebaliknya, kata beliau, Malaysia akan kekal sebagai negara penjual getah, bijih timah dan kelapa sawit jika peniaga tidak sanggup menanam semula modal setelah ditolak keuntungan daripada perusahaan mereka.

"Getah, bijih timah dan kelapa sawit juga memerlukan modal.

"Orang lain datang ke Malaysia dan meraih keuntungan yang besar dengan menanam getah, kelapa sawit dan melombong kerana mereka berpandangan jauh, sanggup membelanjakan modal yang besar dan menunggu beberapa tahun sebelum mendapat keuntungan.

"Jika tidak, perlombongan, penanaman getah dan kelapa sawit kita juga dibuat secara kecil-kecilan dan ini bermakna negara kita tidak mungkin maju, memberi peluang perniagaan dan mewujudkan peluang kerja kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan aktiviti perkilangan aliran Perwaja Steel Sdn Bhd (PSSB) di loji syarikat itu di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff; Pengerusi PSSB, Tan Sri Zainal Abidin Sulong; Pengarah Urusan PSSB, Tan Sri Eric Chia, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah dan ahli lembaga pengarah PSSB.

Perdana Menteri turut meninjau proses membuat paku yang menjadi aktiviti aliran pertama PSSB di loji berkenaan sambil diberi penerangan oleh Chia.

Dr Mahathir berkata, pelaburan adalah faktor paling penting dalam perniagaan kerana tanpanya,

mustahil peniaga dapat mengadakan perniagaan dan perusahaan yang sempurna.

Bagaimanapun, katanya, sesetengah peniaga Melayu seboleh-bolehnya tidak mahu melabur sama sekali sebaliknya ingin mendapatkan keuntungan sepenuhnya daripada segala barangan yang dikeluarkan untuk dijual.

Menurutnya, mereka seboleh-bolehnya tidak mahu membina kilang, mengeluarkan barangan dengan perbelanjaan paling murah selain tidak ada modal langsung dikeluarkan.

"Dengan tidak ada modal diperlukan, apa juga barangan yang kita keluarkan dan jual, pendapatan daripada itu adalah keuntungan kalau kita tidak mengira tenaga yang digunakan untuk mengeluarkan barangan itu.

"Kalau kita perhatikan, perniagaan sesetengah daripada kita seboleh-bolehnya kita tidak mahu bangunan dan kalau ada bangunan sekalipun, ia dibina dengan cara paling murah iaitu menggunakan empat batang tiang yang dipotong daripada pokok terdekat.

"Kemudian kita mencari plastik sebagai bumbung dan kemudian berniaga di tepi jalan. Apa juga barangan yang kita jual semuanya mendapat keuntungan," katanya.

Dr Mahathir berkata, perniagaan seperti itu adalah perniagaan yang tidak mungkin membesar dan hanya dianggap berjaya pada zaman dulu ketika manusia masuk ke hutan mencari rotan untuk dijual tanpa memerlukan modal.

"Cara ini tidak mungkin memajukan kita sehingga mencapai tahap untuk mengadakan perusahaan besi waja kerana perusahaan itu kita memerlukan modal bukan satu dua juta bahkan kerajaan menanam modal lebih satu bilion," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana ada pihak yang tidak puas hati dengan harga mesin membuat paku yang diuruskan oleh Perwaja sehingga ada yang sanggup menuduh syarikat itu mengaut keuntungan.

Menurutnya, peniaga tidak sepatutnya mempersoalkan mengenai harga

mesin sebaliknya bersyukur kerana Perwaja telah menyediakan kemudahan perunding tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, Perwaja berhak mengambil untung daripada penjualan mesin membuat paku kerana syarikat itu turut mengeluarkan idea mengenai perusahaan itu.

Selain itu, Perwaja turut bertanggungjawab membuat kajian mengenai potensi perusahaan

itu, mendapatkan mesin yang sesuai, membuat perhitungan kos, sanggup membeli balik paku serta membekalkan dawai untuk membuat paku.

"Perwaja juga sanggup memberi jaminan bahawa perusahaan itu dapat memberi keuntungan sebegitu banyak," katanya.

Beliau amat dukacita kerana ada pihak yang menuduh Perwaja mencari keuntungan sedangkan mereka sepatutnya bersyukur dan berterima kasih kerana diberi pelu-

ang menyertai perusahaan membuat paku.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini tidak ada Bumiputera, khususnya orang Melayu menyertai perusahaan besi selain menjadi pekerja kilang besi sehingga Perwaja mencetuskan idea mendapatkan penyertaan mereka dalam bidang itu.

"Kini orang kampung diberi peluang menjadi pengusaha industri besi dan saya rasa banyak lagi idea daripada Eric selepas ini," katanya.